

29 MAR 2002

Sultan-Darjah

YANG DI-PERTUAN AGONG KETUAI SENARAI PENERIMA ANUGERAH

KOTA BAHARU, 29 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mengetuai senarai 344 penerima anugerah kehormatan kebesaran negeri sempena ulang tahun ke-52 keputeraan Sultan Kelantan, esok.

Tuanku Syed Sirajuddin akan menerima Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (DK).

Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga dianugerahi darjah itu (DK).

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Datuk Tengku Shah Buddin Tengku Mohd Maasum berkata hari ini bagaimanapun Tuanku Syed Sirajuddin dan tiga lagi penerima DK tidak akan menerima anugerah masing-masing pada istiadat pengurniaan kehormatan kebesaran negeri yang akan berlangsung di Istana Balai Besar esok tetapi pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Pada istiadat esok, seramai 154 daripada 344 penerima itu akan menerima anugerah masing-masing diketuai oleh penerima tunggal gelaran kebesaran negeri, Hakim Mahkamah Tinggi Terengganu, Datuk Nik Hashim Nik Ab Rahman yang dianugerahkan Datuk Bentara Istana.

Seramai 25 orang menerima darjah-darjah kebesaran yang membawa gelaran "Datuk" termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim yang dianugerahkan Ahli Yang Kehormat Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (SJMK).

Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman dianugerahkan Ahli Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (DPMK).

Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd Shariff Omar, The Office of His Majesty's Principal Private Secretary The Grand Palace, Bangkok, M L Anuporn Kashemsant, dan Timbalan Pesuruhjaya Polis Wilayah 8, Phunphin Suratthanee, Thailand, Pol. Mej. Gen. Manoch Kraiwong, masing-masing dianugerahkan Ahli Yang Kehormat Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (DPMK).

Empat penerima Ahli Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (DJMK) ialah Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia, Datuk Muhammad Abdul Ghani, Pengerusi Utama Bangkok Group Berhad, Nik Hashim Nik Yusoff, Pegawai Penyelidik Muzium Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Salleh Mohd Akib dan Setiausaha Kehormat Majlis Jaksa Pendamai Kelantan Wan Hassan Wan Zin.

Lima penerima Ahli Yang Kehormat Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (DJMK) ialah Pengarah Urusan Bank Kerjasama Rakyat Berhad Datuk Dr Zainul Bahrin Mohd Zain, pesara guru Hussain Mohamed, pesara guru Rahmat Hussin, Pengarah Cane Creations (Marketing) Sdn Bhd, Puan Seri Roseline Yeoh dan Pengarah Urusan Panji Bersatu Sdn Bhd, Albert Tan Tiong Who.

Panglima Lapan Briged, Brig. Jen. Ramli Harun dan Asisten Panglima Tentera Udara, Brig. Jen. Ali Nasiruddin Ibrahim, masing-masing menerima Ahli Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Kesateria Mahkota Kelantan Yang Amat Perkasa (DPKK).

Komander Group Artileri Pertahanan Udara, Brig. Jen. Md Yusof Md Said dianugerahkan Ahli Yang Kehormat Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Kesateria Mahkota Kelantan Yang Amat Perkasa (DPKK).

Empat penerima Ahli Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran

Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (DPSK) ialah Pengarah Cawangan Perancangan dan Perkhidmatan Korporat Jabatan Kerja Raya, A. Rashid Omar, Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia Prof. Dr. Abdul Latiff Mohamad, Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan Shafii Ismail dan Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Dr Zulkurnain Awang.

Empat penerima Ahli Yang Kehormat Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (DPSK) ialah Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti Datuk Dr Adi Taha, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Othman Ngah, Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan negeri Kelantan, Ramli Abdul Rahman dan Pemerintah Wilayah Polis Narathiwat, Pol. Mej. Gen. Jetnakorn Nabhitabhata.

Seramai 53 orang dianugerahkan Darjah-darjah Kebesaran negeri tanpa gelaran "Datuk". Mereka ialah:

Penasihat Pertahanan Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Pretoria, Afrika Selatan, Kol Abdullah Che Hamizah dianugerahkan Ahli Yang Ketiga (Taulan) Bagi Darjah Kebesaran Paduka Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (PMK).

Ketua Cawangan Tenaga Kerja Markas Angkatan Tentera Malaysia, Kol Abdul Aziz Ibrahim dianugerahkan Ahli Yang Ketiga (Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Kesateria Mahkota Kelantan Yang Amat Perkasa (PKK).

Lima penerima Ahli Yang Ketiga (Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (PSK) ialah Ketua Jajahan Machang Ahmad Mahmood, Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Abd. Aziz Abd Rahman, Setiausaha Sulit Sultan Kelantan Nik Abdullah Nik Daud, Ketua Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri Tengku Mahmood Tengku Ismail dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kelantan Wan Yahya Wan Mamat.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Kelantan Cho Weng Keong dianugerahkan Ahli Yang Kehormat Yang Ketiga (Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (PSK).

Seramai 11 orang dianugerahkan Ahli Yang Keempat (Bentara) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (BSK).

Antara penerima anugerah tersebut ialah Timbalan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Abu Bakar Mohamad, Pengurus Besar Perkhidmatan Penumpang dan Komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad, Hilmi Mohamad dan Penolong Ketua Jajahan (pembangunan I) Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang Che Hamat Che Muda.

Seramai lima orang menerima Ahli Yang Kehormat Yang Keempat (Bentara) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (BSK), antaranya ialah Ketua Jabatan Ketenteraman Awam/Ketua Trafik Polis Kelanta, Supt Alias Muhammad dan Timbalan Ketua Polis Kota Baharu Supt. Zul Hasnan najib Baharuddin.

Seramai 24 orang dianugerahkan Ahli Yang Kelima (Ahli) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (ASK) dan seramai lima orang menerima Ahli Yang Kehormat Yang Kelima (Ahli) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (ASK).

Bagi penganugerahan bintang, seramai 14 orang menerima Bintang Seri Mahkota Kelantan (SMK) diikuti Bintang Seri Kelantan (SK) kepada tujuh orang dan Bintang Ahli Kelantan (AK) seramai 46 orang.

Pada istiadat itu, Sultan Kelantan mengurniakan Jaksa Pendamai (JP) kepada empat penerima.

Baginda juga berkenan untuk menganugerahkan pingat-pingat dan surat-surat kepujian dalam satu majlis lain di Istana Negeri, Kubang Kerian pada Mei terdiri daripada Pingat Bakti (PB) kepada 45 orang; Pingat Setia (PS) (31 orang); Pingat Taat (PT) (57 orang); Pingat Perangai Baik (PPB) (48 orang) dan Surat Kepujian kepada sembilan orang.

-- BERNAMA

BD NMO